

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

LHDN.01/13/(S) 223/16

Tarikh :

01 JUL 2013
RECEIVED

20 Jun 2013

En. SM Thannermalai,
Presiden, Chartered Tax Institute of Malaysia
B-13-2 Megan Avenue II,
No 12 Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Tuan,

Maklumbalas Terhadap Deraf Rangka Kerja Siasatan Cukai (Pindaan 1/2013)
Saya merujuk kepada perkara tersebut dan surat tuan bertarikh 12 April 2013 adalah berkaitan.

Berikut adalah maklumbalas terhadap komen pihak tuan dan pindaan-pindaan berkaitan terhadap Rangka Kerja Siasatan Cukai.

1.1 Tarikh berkuatkuasa

Tarikh kuatkuasa Rangka Kerja Siasatan adalah tarikh ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

1.2 Peruntukan Undang-Undang (Perenggan 2)

Peruntukan yang disenaraikan adalah jelas dan mencukupi.

1.3 Struktur Rangka Kerja

Aktiviti Siasatan (perenggan 3)

Perenggan ini dipinda dengan memasukkan perenggan baru 3.4 bagi menjelaskan isu-isu berkaitan jenis siasatan :

Pegawai LHDNM akan memberitahu pembayar cukai sama ada siasatan dijalankan di bawah ACP, AMLATFA atau kedua-duanya. Sekiranya siasatan dijalankan di bawah ACP, ini tidak menghalang siasatan di bawah AMLATFA dijalankan ke atas kes tersebut pada bila-bila masa.

1.4 Tempoh Liputan Siasatan (perenggan 5)

Susunan ayat telah dipinda bagi tujuan clarity bagi kes-kes dimana tempoh had masa tidak terpakai.

1.5 Prosedur Siasatan (perenggan 7)

1.5.1 Semakan dokumen(perenggan 7.2)

Tempoh masa yang spesifik tidak dapat ditetapkan kerana tertakluk kepada kerumitan (*complexity*) kes berkenaan serta kerjasama pembayar cukai dan pihak ketiga dalam mengemukakan maklumat.

1.5.2 Prosedur bayaran bagi penyelesaian sivil

Prosedur bayaran bagi penyelesaian sivil adalah mengikut amalan yang sediada.

1.5.2 Penyelesaian kes Siasatan (perenggan 7.4.2)

Perenggan tersebut telah di pinda seperti berikut :

Bagi kes yang didakwa di mahkamah, kegagalan pembayar cukai untuk menghadirkan diri ke prosiding mahkamah setelah saman diserahkan boleh menyebabkan waran tangkap dikeluarkan.

1.5.4 Penyelesaian Sivil (perenggan 7.4.3.1)

Semua siasatan dijalankan secara jenayah dan penyelesaian secara sivil adalah bagi kes-kes yang tidak didakwa di mahkamah.

1.6 Hak Dan Tanggungjawab Pembayar cukai(perenggan 8.2.5)

Dalam perbincangan dengan Jabatan Undang-undang, LHDNM.

1.7 Perenggan berkaitan aduan(complaints)

Perkara ini diambil perhatian .

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**



[MOHD NIZOM BIN SAIRI]

Pengarah,
Jabatan Siasatan,
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

HASiL
BERSAMA MEMBANGUN NEGARA